

# Bengkel Matematik dan Statistik oleh MASA

*Artikel oleh: Yong Enn Lun*

Bengkel yang bertajuk "Data Analysis: Finding Missing Values Using Cubic Spline Method" telah dianjurkan oleh Kumpulan Penyelidikan Mathematics and Statistical Applications (MASA) pada 31 Julai 2012. Bengkel sehari yang berlangsung di Sekolah Sains dan Teknologi itu telah dihadiri oleh ahli-ahli akademik dari pelbagai bidang, seperti Sains Sekitaran, Kimia Industri, Matematik dengan Ekonomi,

dan lain-lain. Penceramah bengkel ini ialah Prof. Dr. Zainodin Hj. Jubok yang juga merupakan pengerusi MASA dan pensyarah Program Matematik dengan Ekonomi. Beliau memberikan penjelasan khusus terhadap pengamalan kaedah "Cubic Spline Method", iaitu satu kaedah yang boleh digunakan untuk mencari nilai-nilai kehilangan dalam analisis-analisis yang melibatkan statistik.